

KL-Beijing setuju bentuk 15 program usaha sama

Daripada Mior Kamarul Shahid

SHANGHAI: Kuala Lumpur dan Beijing semalam mengeluarkan pernyataan bersama sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke China, menggariskan 15 program kerjasama Malaysia-China.

Pernyataan sebelum ini iaitu yang pertama antara kedua-dua negara, dikeluarkan ketika lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak yang merintis hubungan diplomatik dengan China pada 1974 - genap 30 tahun lalu.

Antara persetujuan kedua-dua negara ialah mengekalkan hubungan antara pemimpin dua negara pada semua peringkat termasuk parti pemerintah, badan perundangan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan rakyat bagi mengekalkan kemajuan komprehensif hubungan dua hala Malaysia-China.

Kedua-dua negara juga bersetuju meneroka peluang ekonomi bagi kepentingan negara masing-masing

Selain itu China dan Malaysia bersetuju meningkatkan perdagangan dua hala ke tahap signifikan menjelang 2010 berasaskan perjanjian memorandum persefahaman (MOU) kedua-dua negara.

Dalam pernyataan itu, Malaysia menyatakan pengiktirafannya terhadap status pasaran ekonomi China selain mengalu-alukan kehadiran pengusaha kedua-dua negara dalam pembangunan prasarana di negara masing-masing.

Mengenai lawatannya ke China, Abdullah yang menyifatkannya sebagai berjaya, menjelaskan kedua-dua negara lebih saling memahami dalam mewujudkan kerjasama dua hala terutama dalam bidang ekonomi.

"Kami mahu mara dalam kerjasama dua hala di samping meluas serta mengakrabkan hubungan de-

ngan memberi fokus kepada bidang baru dan pembangunan," katanya.

Di Beijing, Abdullah mengadakan perbincangan dengan Presiden Republik Rakyat China, Hu Jintao; Perdana Menteri, Wen Jiabao dan pemimpin lain manakala di sini dengan Datuk Bandar Shanghai, Han Zheng dan Naib Datuk Bandar, Tang Dengjie.

Katanya, mereka memberi pandangan mengenai ekonomi China dan peluang perniagaan dan pelaburan asing di republik itu.

Abdullah berkata, bidang baru seperti pertanian, bioteknologi, teknologi tinggi, pelajaran, kesihatan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mempunyai peluang besar untuk peniaga Malaysia dan China mewujudkan usaha sama dan menjalin rakan kongsi perniagaan.

Terdahulu, Abdullah dan delegasi Malaysia melawat Kawasan Baru Pudong, meninjau kemajuan pembangunan sekitar bandar raya Shanghai yang berubah begitu pesat dalam tempoh 10 tahun lalu.

Beliau juga dibawa melawat Menara Pearl Oriental di tengah-tengah Pudong, setinggi 468 meter, mahara televisyen tertinggi di Asia.

Sebelum itu, Abdullah mengadakan pertemuan dengan sembilan tokoh pelaburan perbankan antarabangsa ketika waktu sarapan.

Mereka ialah Damian Chunilal, Pengarah Urusan Pelaburan Pacific Rim Merrill Lynch; Ralph Parks, Pengerusi J P Morgan, Asia Pasifik; Fumio Hoshi, Presiden dan Pengarah Eksekutif bagi Asia dan Oceania Japan, Bank for International Cooperation; Francis Leung, Pengerusi Asia, Citigroup Global Markets Asia Limited; Robert Morrice, Pengerusi dan Ketua Eksekutif Asia Pasifik, Barclays Capital; Alasdair Morison, Pengerusi dan Ketua Pegawai Operasi (CEO) Morgan Stanley Asia; Paul Calello, Pengerusi dan CEO



ABDULLAH melihat pemandangan bandar Shanghai ketika lawatan ke Pearl Oriental Tower pada hari terakhir lawatan lima harinya ke China, semalam. - Gambar oleh Bernama

Asia-Pacific Region, Credit Suisse First Boston; Michael Smith, CEO Hongkong and Shanghai Banking Corporation Ltd, dan Richard Gnodde, Presiden Goldman Sachs (Asia) LLC.

Menyifatkan pertemuan itu sebagai sesi untuk berkenalan, Abdullah berkata, mereka mahu mengetahui usaha yang dijalankan kerajaan termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Abdullah berkata kepada mereka bahawa kerajaan sudah mengumumkan GLC menerima penyertaan asing

dalam syarikat Khazanah Holdings, tetapi tidak melebihi 30 peratus.

Mereka juga mengulas usaha yang dijalankan kerajaan bagi mengembalikan keyakinan terhadap suasana pelaburan di Malaysia.

Ditanya pembabitan kerajaan dalam perniagaan menerusi GLC, Abdullah menjelaskan bahawa setakat ini kerajaan membabitkan diri dalam syarikat itu kerana mempunyai kepentingan untuk mengetahui bentuk dan apa seharusnya dilakukan.

Abdullah berkata, pada pertemu-

annya dengan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Shanghai yang diwakili tokoh perniagaan China Luar Negara kelmarin mereka ingin tahu strategi dan keutamaan negara di samping jaminan menerima cadangan pelaburan di Malaysia serta mengadakan perniagaan di Malaysia.

Mereka juga mencari rakan niaga dengan syarikat Malaysia kerana mendapati banyak ruang yang boleh dilakukan terutama selepas kejayaan hubungan dua hala selama 30 tahun dengan China.